

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR]**
TARIKH : **18.6.2014**
SOALAN :

Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa peratuskah pelajar yang berhenti sekolah tanpa meneruskan peringkat seterusnya dan sebab-sebab kenapa berlakunya keadaan sedemikian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat analisis murid yang tidak meneruskan persekolahan berdasarkan kohort murid dari tahun 1 hingga tahun 6 di peringkat pendidikan rendah serta tingkatan 1 hingga tingkatan 5 di peringkat pendidikan menengah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 0.08% murid di peringkat pendidikan rendah dan 1.96% murid di peringkat pendidikan menengah yang tidak meneruskan persekolahan pada tahun 2013. Murid-murid tidak meneruskan persekolahan dalam sistem persekolahan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atau swasta dari peringkat rendah (Tahun 1) hingga menengah (Tingkatan 5) disebabkan oleh beberapa perkara. Berasaskan kajian yang telah dijalankan oleh KPM, murid-murid cicir daripada sistem persekolahan disebabkan oleh kemiskinan, masalah keluarga, masalah kesihatan, tidak berminat terhadap pelajaran, masalah disiplin, berkahwin, tiada dokumen, menghadapi masalah pengangkutan ke sekolah, cacat, takut pergi ke sekolah, bekerja, dan telah meninggal dunia. Sebilangan besar murid yang keluar daripada sistem persekolahan KPM telah meneruskan pelajaran mereka di sekolah

pondok, sekolah antarabangsa dan belajar di sekolah-sekolah yang tidak berdaftar seperti madrasah. Sebilangan kecil pula mengikuti *home schooling* atau mengikut keluarga berhijrah ke luar negara.

Rjm110